

Pegawai polis terima rasuah RM25,000 daripada seorang suspek kes dadah

# Inspektor kena jel enam tahun

Oleh KAMARIAH KHALIDI

**KUALA TERENGGANU** – Tindakan seorang pegawai polis berpangkat inspektor meminta dan menerima rasuah bernilai RM25,000 pada tiga tahun lalu membawa padah apabila dia dijatuhkan hukuman penjara enam tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Mohammad Haldar Abdul Aziz menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara bagi setiap pertuduhan ke atas Mohd. Izzwan Jamalud Din, 35, selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes tersebut.

Mohammad Haldar kemudian menetapkan hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan itu dijalankan serentak bermula dari tarikh sabitan iaitu semalam.

Beliau turut memerintahkan Mohd. Izzwan membayar denda

RM100,000 dan RM25,000 masing-masing bagi pertuduhan pertama dan kedua serta mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara tambahan 24 bulan dan 12 bulan sekiranya gagal membayarnya.

Mohd. Izzwan yang diwakili peguam Datuk Amirul Ridzuan Hanif gagal membayar denda tersebut dan bakal menjalani hukuman penjara keseluruhan enam tahun di Penjara Marang.

Berdasarkan pertuduhan pertama, tertuduh yang bertugas sebagai Pegawai Penyiasat di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Terengganu sewaktu kejadian didakwa meminta rasuah sebanyak RM20,000 daripada seorang lelaki sebagai dorongan supaya tidak menangkapnya berkait kes dadah.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di

Kampung Durian Kassim, Ajil, Hulu Terengganu antara pukul 7 hingga 8 malam pada 15 Ogos 2015.

Bagi pertuduhan kedua, Mohd. Izzwan didakwa menerima suapan berjumlah RM5,000 daripada lelaki sama di sebuah restoran makanan segera di Kuala Berang, Hulu Terengganu kira-kira pukul 6.25 petang, 20 Ogos 2015.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan Seksyen 17(a) akta sama.

Kedua-dua pertuduhan itu membolehkan Mohd. Izzwan dihukum penjara tidak lebih 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi secara berasingan jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohamad Fadhlly Mohd. Zamry.



**MOHD. IZZWAN (depan)** dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu selepas didapati bersalah terlibat rasuah.